

86 peratus calon ke KUTKM pelajar Melayu

Archival News | Utusan Malaysia | 13/05/2002

MELAKA 12 Mei _ Kira-kira 86 peratus daripada 1000 calon yang ditawarkan tempat untuk menuntut di Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) merupakan pelajar Melayu.

Rektor KUTKM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Ruddin Ab. Ghani berkata, kesemua mereka dipilih berdasarkan sistem merit iaitu hanya yang terbaik diberikan tempat.

``Kita tidak menghadapi masalah untuk mengambil pelajar Melayu kerana ramai yang memohon dan mempunyai kelayakan,'' ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis perasmian Persidangan UMNO Cawangan Sri Tambak yang disempurnakan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam di Bukit Katil di sini hari ini.

Menurutnya, lagipun tidak ramai pelajar bukan Melayu yang memohon untuk memasuki KUTKM kerana kebanyakannya mereka mungkin lebih berminat dengan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Tambahnya, jumlah pelajar Melayu yang berkelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kerana ramai yang sedang menuntut di matrikulasi dan juga kolej.

Dr. Ruddin memberitahu, kesemua yang ditawarkan itu akan mendaftar pada 22 Mei ini bagi mengikuti program peringkat ijazah dan diploma.

Ijazah

``Kira-kira 600 daripada mereka akan mengikuti program ijazah dan selebihnya peringkat diploma,'' katanya.

Menurutnya, antara program yang ditawarkan ialah ijazah kejuruteraan dalam bidang mekanikal, elektronik, elektrik dan teknologi maklumat.

Beliau juga berkata, KUTKM akan meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajarannya sehingga melebihi 50 peratus pada sesi baru selaras dengan usaha kerajaan untuk memperkuatkuhan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan generasi muda.

(Source : Utusan Malaysia)